



**Kementerian Wilayah Persekutuan**

**TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI UTAMA TENGKU ADNAN BIN TENGKU MANSOR**

**MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

**KENDURI 1 WILAYAH PERSEKUTUAN**

**PUTRAJAYA – 21HB FEBRUARI 2016**

**BULAN FEBRUARI 2016**

**WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR, PUTRAJAYA DAN LABUAN**

**CAWANGAN PUTRAJAYA - 21HB FEBRUARI 2016 - JAM 8.30 PAGI**

**Bismillahirrahmanirrahim**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Dan Salam Sejahtera**

1. Marilah sama-sama kita panjatkan kesyukuran ke hadrat Allah swt kerana dengan izin dan limpah kurnia Nya kita dapat bersama-sama pada hari ni dalam Program Kenduri 1Wilayah Persekutuan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2016.
2. Kita semua amat bertuah kerana Negara Malaysia sentiasa dan masih lagi dalam keadaan aman. Kita boleh mengadakan majlis sebegini dengan selesa, beribadah dan beriadah dengan tenang tanpa sebarang ketakutan. Kuncinya adalah perpaduan, saling menghormati dan kerjasama antara satu sama lain.
3. Lantaran itu, soal perpaduan dan saling menghormati ini perlu sentiasa diterap dan disemai; dan kita patut bersyukur kerana kerajaan yang mentadbir negara ini mampu mengekalkan keamanan dan mengutamakan kepentingan rakyat serta kesejahteraan negara.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

4. Perayaan Hari Wilayah Persekutuan disambut pada tarikh 1hb Februari setiap tahun, bagi memperingati pengisytiharan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai Wilayah Persekutuan. Sambutan ini merupakan gabungan ketiga-tiga wilayah berkenaan sejak wujudnya Kementerian Wilayah Persekutuan pada

27hb Mac 2004. Sambutan pada tahun ini merupakan sambutan yang ke-12.

5. Tema sambutan Hari Wilayah Persekutuan pada tahun ini adalah “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera”. Pemilihan tema ini adalah bertepatan dan menjadi aspirasi KWP ingin menjadikan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan sebagai sebuah bandar yang ceria dalam aspek persekitaran yang bersih serta indah, kehidupan yang kondusif dan selamat seiring dengan konsep *sense of belonging* yang ingin diterapkan kepada warga Wilayah Persekutuan.
6. Pemilihan tema “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera” turut merangkumi Kesejahteraan warga Wilayah Persekutuan dalam segala aspek dan menjadi keutamaan untuk memastikan semangat perpaduan yang teguh di kalangan rakyat khususnya di kalangan warga Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan. Seterusnya akan dapat mewujudkan semangat "Kekitaan", "Kebersamaan", dan perasaan sayang kepada Wilayah Persekutuan yang dicintai ini.
7. Pemilihan tema “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera” turut merangkumi elemen *sense of belonging* yang perlu dibudayakan di kalangan warga Wilayah Persekutuan khususnya dalam aspek keharmonian, perpaduan dan kerjasama bagi menyokong serta merealisasikan Wilayah Persekutuan berkembang maju.
8. Harapan saya dengan slogan ini, ia mampu merangsang seluruh warga Wilayah agar seiringan dengan Kementerian Wilayah

Persekutuan bagi memajukan serta memakmurkan bumi Wilayah Persekutuan yang tercinta ini sebagai sebuah bandar raya metropolis yang lestari, hiasan terindah dan selesa untuk dihuni sepanjang masa.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

9. Pelaksanaan program-program Sambutan Hari Wilayah Persekutuan tahun 2016 adalah berbeza dari tahun ke tahun mengikut iklim ekonomi semasa dalam menyahut seruan YAB Perdana Menteri iaitu mengoptimumkan perbelanjaan tidak bermaksud sebagai langkah 'austerity' (jimat cermat) pemotongan sahaja, tetapi kita melihat bagaimana setiap ringgit yang akan dibelanjakan boleh mendatangkan hasil dan kesan yang paling besar disamping melaksanakan inisiatif penjimatan negara.
  
10. Pihak KWP dan Agensi hanya menganjurkan program SHWP 2016 yang memberikan impak yang tinggi dan program yang melibatkan penyertaan rakyat secara terus seperti program Kibar Bendera Wilayah Persekutuan, program tanggungjawab sosial masyarakat (CSR), Kenduri 1 Wilayah Persekutuan, Majlis Tahlil dan Doa Selamat, Pertandingan Melukis dan Mewarna WP, *Car Free Morning*, Konvoi Berbasikal 1Wilayah Persekutuan, Festival Makanan Antarabangsa, Majlis Khatam Al Quran Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 dan sebagainya. Adalah diharapkan melalui penganjuran program SHWP 2016 kali ini akan memberi impak yang besar dalam penglibatan rakyat secara umum serta

memberi peluang kepada warga Wilayah Persekutuan untuk menyertai setiap aktiviti dan program yang dianjurkan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang dan dilaksanakan bersempena SHWP 2016 ini diharap dapat merangsang seluruh warga Wilayah Persekutuan agar dapat seiringan dengan Kerajaan dan bersama-sama memajukan, memakmurkan dan meraih kasih Wilayah Persekutuan yang tercinta.

11. Walaupun peruntukan kewangan dikurangkan pada tahun 2016 ini, semua program yang diaturkan bersempena sambutan Hari Wilayah Persekutuan akan tetap meriah tetapi dalam skala yang sederhana. Adalah diharapkan juga agar semua warga Wilayah Persekutuan memberikan komitmen dan penyertaan sepenuhnya dan tidak melepaskan peluang yang diberikan oleh kerajaan dalam merealisasikan simbolik 1Malaysia dan 1Wilayah bagi Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 ini.
12. Ini juga akan dapat menggalakkan serta membangkitkan semangat perpaduan yang teguh di kalangan rakyat khususnya di kalangan warga Wilayah Persekutuan di mana nurani dan minda kita disatukan dan saling menghulurkan tangan seterusnya akan dapat mewujudkan semangat "Kebersamaan" yang teguh dan perasaan sayang kepada Wilayah Persekutuan yang kita cintai ini.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

13. Tahun 2015 telah menyaksikan banyak projek Rumah Mampu Milik Wilayah Persekutuan (RUMAWIP) dan Perumahan Penjawat Awam 1 Malaysia (PPA1M) yang telah dilancarkan di Wilayah Persekutuan khususnya di Kuala Lumpur. Sebanyak 8 projek telah dilancarkan sepanjang tahun ini melibatkan jumlah unit keseluruhan sebanyak 6,871 unit.
14. Salah satu program utama di bawah inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensinya adalah Kad Ceria Wilayah Persekutuan. Sebanyak lebih kurang 18,000 jumlah Kad Ceria Wilayah Persekutuan telah ditawarkan kepada penduduk Wilayah Persekutuan, tidak kira sama ada di Kuala Lumpur, Putrajaya mahupun Labuan yang berminat dan mereka akan mendapat faedah yang disediakan sama ada secara langsung oleh Kementerian atau rakan dagang yang terlibat iaitu Pasar Raya MYDIN, *Berjaya Card* (BCARD) yang mempunyai lebih 70 rakan niaga dan lebih 2000 *outlet* di Wilayah Persekutuan.
15. Untuk pengetahuan Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian, Sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016, saya difahamkan pelbagai usaha CSR disediakan oleh kementerian dan agensi-agensinya.
16. Antaranya ialah usaha Yayasan Wilayah Persekutuan yang memperuntukkan sejumlah RM15juta setahun untuk program-program CSR dalam meningkatkan taraf Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi warga di tiga (3) wilayah.

17. Untuk makluman semua, antara usaha memartabatkan pendidikan oleh Yayasan Wilayah Persekutuan termasuklah pemberian anugerah kepada pelajar-pelajar yang cemerlang dalam peperiksaan utama seperti UPSR, PT3, SPM dan STPM; pemberian bantuan dan biasiswa kepada pelajar-pelajar IPT, pelajar-pelajar sekolah menengah dan yang paling popular, ialah pemberian bantuan persekolahan di hujung tahun untuk pelajar sekolah rendah hingga menengah.
  
18. Untuk pengetahuan Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) juga menawarkan biasiswa kepada anak-anak kelahiran Wilayah Persekutuan yang menuntut di Tingkatan Satu (1) Sesi 2016 dan keluarga berpendapatan rendah. Biasiswa yang ditawarkan ialah Skim Biasiswa Kecil dan Skim Anak Angkat Pelajar Cemerlang. Kepada semua warga Wilayah Persekutuan yang layak boleh membuat permohonan mengikut syarat yang ditentukan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

19. Untuk makluman semua, Kenduri 1Wilayah Persekutuan telah dimasukkan di dalam kalendar acara tahunan sempena Sambutan Hari Wilayah Persekutuan 2016 bertujuan untuk mengeratkan silaturrahim antara warga Wilayah Persekutuan selain dapat bekerjasama dalam melaksanakan aktiviti kemasyarakatan seperti aktiviti gotong royong. Malah program seperti hari ini juga merupakan

sebahagian daripada aktiviti yang bermanfaat yang boleh mengukuhkan hubungan akrab sesama kita, apatah lagi dikalangan komuniti di kawasan ini.

20. Pada tahun ini, Kementerian Wilayah Persekutuan dan agensi-agensi di bawahnya akan mengadakan tiga belas (13) Kenduri di setiap lokasi Parlimen iaitu di Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan, berbanding dengan hanya tiga (3) lokasi pada tahun 2015. Pendekatan seumpama ini diharapkan akan dapat merapatkan kerajaan dengan rakyat dan membolehkan kementerian ini dan agensi-agensi di bawahnya mendekati rakyat serta mendengar sendiri sebarang permasalahan dan menangani isu-isu berkenaan Wilayah Persekutuan.
21. Selain itu, penganjuran Kenduri 1 Wilayah Persekutuan 2016 ini akan memberikan peluang kepada semua warga Wilayah Persekutuan untuk merasai kemeriahan suasana kenduri sambil menjamu selera dengan menu yang dimasak sendiri secara bergotong royong di kalangan ahli jawatankuasa perumahan serta komuniti yang terlibat. Aktiviti kenduri yang diadakan ini akan dapat memeriahkan dan menceriakan lagi Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan serta warganya berpeluang menyertai pelbagai aktiviti kemasyarakatan di samping mengeratkan siraturrahim bersama komuniti setempat dihujung minggu bersama keluarga tercinta.
22. Semalam, iaitu 20hb Februari 2016 dari jam 8.00 pagi sehingga 11.00 pagi, telah diadakan Sesi Gotong-Royong Bersama Komuniti



dan Program Anti Denggi bertempat di Pangsapuri Putra Damai. Presint 11, Putrajaya. Gotong-Royong Bersama Komuniti ini juga mendapat kerjasama daripada pihak Bomba, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan PDRM bertujuan membangkitkan kesedaran masyarakat akan bahaya ancaman penyakit demam denggi yang disebabkan oleh nyamuk aedes. Kita telah bersama-sama membersihkan kawasan sekitar bagi menghapuskan tempat pembiakan nyamuk aedes ini.

23. Bagi Program pada hari ini, turut diserikan dengan pelbagai acara termasuk Cabutan Nombor Bertuah yang menyediakan hadiah-hadiah menarik termasuk hadiah utama sebuah kereta, 20 buah motosikal dan 5 buah iPhone6s.
24. Pemeriksaan Kesihatan Ear, Nose & Throat (ENT) secara percuma oleh 20 orang doktor pakar juga antara program yang disediakan, termasuklah program-program sukan iaitu Pertandingan Futsal, Bola Jaring dan Acara Sukaneka.
25. Program pada hari ini adalah salah satu daripada pendekatan Strategi Lautan Biru (NBOS) dalam mengabungkan program-program yang dilaksanakan oleh pihak kerajaan terutama diperingkat kementerian dengan program-program yang dilaksanakan oleh NGO dan badan-badan korporat. Melalui pendekatan seumpama ini, penganjuran program dapat dilaksanakan dengan lebih mantap, menjimatkan kos dan masa. Perkara ini dapat dilihat secara jelas

melalui penganjuran program pada hari ini di mana kos penganjuran dibiayai oleh Kementerian dan agensi-agensi kerajaan.

26. Adalah diharapkan melalui penganjuran program-program sempena Hari Wilayah Persekutuan pada kali ini akan memberikan impak yang besar dalam penglibatan rakyat secara umum serta memberi peluang kepada semua warga Wilayah Persekutuan untuk menyertai setiap aktiviti dan program yang dianjurkan di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan. Melalui aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan diharap dapat merangsang seluruh warga Wilayah Persekutuan agar dapat seiringan dengan Kerajaan dan bersama-sama memajukan dan memakmurkan Wilayah Persekutuan serta mempunyai rasa sayang dan cinta terhadap Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian,**

27. Akhir kata, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Jawatankuasa Penganjur Kenduri 1Wilayah Persekutuan dan semua pemimpin masyarakat setempat yang telah bertungkus lumus dan memberikan kerjasama yang amat baik sekali dalam penganjuran program pada hari ini. Semoga segala usaha murni kita ini akan diberkati oleh Allah swt.
28. Harapan saya agar tema “Wilayah Ceria Rakyat Sejahtera” pada tahun ini dapat menyuntik semangat sayang dan rasa cinta kepada Wilayah Persekutuan dalam usaha memastikan keharmonian serta

perpaduan warga Wilayah terus dikekalkan bagi kebaikan dan kesejahteraan bersama.

29. Dengan ini, saya mengakhiri ucapan saya dengan Wabillahi Taufik Wal hidayah. Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh.

30. **Sekian, terima kasih.**